

Symphony Heights projek bangunan tinggi pertama Hua Yang

KUALA LUMPUR - Pelabur projek pangsapuri servis Symphony Heights di Selayang, Selangor kini bakal tidur lena di kediaman sendiri ekoran penerimaan kunci rumah mereka secara berperingkat-peringkat tidak lama lagi.

Projek hartanah yang dimajukan oleh Hua Yang Bhd. (Hua Yang) itu merupakan bangunan tinggi pertama syarikat yang membabitkan sebanyak 544 unit kediaman.

Pengurus Jualan dan Pemasaran Hua Yang, Loh Chin Hong berkata, projek ini adalah daripada fasa pertama yang siap dibangun dan ditawarkan pada harga di antara RM135,000 sehingga RM325,000 seunit.

Bagaimanapun bagi pembinaan projek fasa kedua dan ketiga, masing-masing mengandungi 219 dan 183 unit kediaman dan ia dijangka siap menjelang suku keempat tahun 2012," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Projek kediaman ini menyediakan banyak kemudahan komuniti seperti kolam renang, taman permainan kanak-kanak, dewan serbaguna, gelanggang badminton dan gelanggang skuasy.

Hua Yang yang telah ditubuhkan sejak tahun 1978 itu telah berjaya menyiapkan projek hartanah termasuk rumah mampu milik bernilai lebih daripada RM1.2 bilion.



Hartanah



MODEL projek kediaman pangsapuri servis Symphony Heights di Selayang yang telah disiapkan bagi fasa pertama.